

Tingkat motivasi diri

Muar: Seramai 36 penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dari Pagoh di sini, menyertai program Kepemimpinan Jati Diri Mahasiswa Pagoh 2014 bagi menimba pengalaman serta meningkatkan motivasi diri sebagai pemimpin berwibawa.

Aktiviti dua hari berakhir kelmarin disertai penuntut institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lain dipenuhi agenda perkongsian pengalaman serta ilmu antara peserta dengan pemimpin.

Majlis penutup program di Kompleks Bimbingan Usahawan Tani Pagoh dan disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jorak Datuk Dr Shahrudin Md Salleh.

Umi Nadiah Nor Ali, 24, penuntut Fakulti Kejuruteeraan Awam, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kuala Lumpur yang turut menyertai program berkenaan berkata, melalui program itu dia mengenali lebih rapat pemimpin dan mahasiswa dari Pagoh.



DR Shahrudin (duduk tengah) bergambar bersama penuntut UTHM.